

2 universiti awam terakhir terima Food Bank Siswa

Cyberjaya: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjadi universiti awam (UA) terakhir penerima program Food Bank Siswa, dalam tempoh terdekat.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia, Ab Wahab Long, berkata pelancaran Food Bank Siswa di dua universiti berkenaan adalah bagi melaksanakan baki daripada 20 UA sebelum dikembangkan ke institusi pengajian tinggi lain.

Beliau berkata, 103 penerima Food Bank Siswa lagi membabitkan institusi pengajian tinggi swasta (IPITS), politeknik dan Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan keutamaan kepada penuntut daripada keluarga berpendapatan rendah menjelang 2020, akan diadakan pada tahun depan.

"Kita akan mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan IPTS, politeknik dan IPG dalam jangka masa terdekat bagi membincangkan program itu termasuk menyediakan 'food pantry' dan sukarelawan di universiti berkenaan," katanya selepas melancarkan Skim Perintis Kemahiran Baru, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Kumpulan AIMSMET Global, Datuk Prof Dr Jayles Yeoh dan Pengerusi ACT Hubs, Tiffany Lim.

Pada program sama AIMSMET Global dan ACT Hubs turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM20,000 kepada Yayasan Food Bank Malaysia.

Abdul Wahab berkata, penguaman kerajaan mengenai peruntukan RM25 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 juga akan melonjakkan ruang capaian program Food Bank Siswa.

Katanya, pada masa ini pihaknya banyak menerima maklum balas dari syarikat besar, industri dan orang awam untuk menderma lebih makanan terutama di bawah Food Bank Siswa selepas Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Penderma Makanan 2019 diluluskan pada pertengahan Oktober lalu.

"RUU itu juga menggalakkan orang awam untuk menderma tanpa berasa bimbang dan disaman sekiranya berlaku sebarang kejadian daripada pengambilalihan makanan yang diderma atau diedar penderma makanan.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga akan dapat memastikan setiap penderma makanan mengikuti piawaian yang ditetapkan Kementerian Kesihatan dalam mengendalikan makanan mengikut undang-undang sedia ada dengan prosedur operasi standard (SOP) ini, makanan yang dikendalikan selamat dimakan," katanya.